

# UMS-KAL,

## Koral jalin

### kerjasama

UM 20-02-2012 26

LABUAN 28 Feb. -

Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) akan menjalin kerjasama dengan Koperasi Rakyat Labuan Berhad (Koral) bagi mempromosikan koperasi berkenaan di kalangan warga universiti itu.

Pengarah UMS-KAL, Prof. Dr. Shariff Abdul Kadir Omang berkata, penuntut Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa serta Sekolah Sains Informatik Labuan akan membantu memberi publisiti kepada koperasi berkenaan.

“Penuntut UMS-KAL sememangnya memerlukan barangan dan perkhidmatan seperti makanan, alat tulis dan sebagainya.

“Jadi, kami mengalu-alukan kerjasama mana-mana pihak untuk membantu menawarkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti dan murah,” katanya ketika ditemui selepas menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi Koral, Fauziah Mohd. Din.

Menurut Shariff, dengan jumlah penuntut dan kakitangan seramai kira-kira 2,500 orang, pihaknya yakin produk yang ditawarkan koperasi berkenaan akan mendapat sambutan yang baik.

Malah katanya, kerjasama Koral dan UMS-KAL yang menawarkan harga yang murah akan membuatkan produk koperasi itu berupaya mendapat permintaan yang tinggi.

Beliau berkata, penuntut universiti perlu menjadikan kerjasama itu sebagai platform untuk mempelajari teknik menjadi usahawan berjaya.